

## **SUBJEKTIVITI DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH FAISAL TEHRANI**

**(SUBJECTIVITY IN SELECTED FAISAL TEHRANI'S NOVELS)**

Fauzi Hassan  
Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali  
Madiawati Mamat@Mustaffa  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

### **Abstrak**

Kehadiran Faisal Tehrani dalam ujana kesusasteraan tanah air telah membawa kesan dan pengaruh tersendiri melalui karya-karya yang dihasilkannya. Kedudukan dan ketokohan beliau begitu menyerlah dalam menghasilkan novel berbanding dengan genre sastera lainnya. Novel-novel yang dihasilkannya menunjukkan perubahan dan kelainan tersendiri, khususnya daripada aspek tema, pemikiran, teknik penceritaan, gaya bahasa dan latarnya. Sehubungan itu, penulisan ini akan meneliti aspek subjektiviti yang diungkapkan dalam lima buah novel yang dihasilkannya. Novel-novel tersebut ialah *Perempuan Politikus Melayu*, *Tunggu Teduh Dulu*, *Bahlut*, *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?* dan *Profesor*. Kajian ini akan menggunakan Teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana dengan mengambil prinsip individualisme. Teori ini mengutarakan empat prinsip untuk mengkaji keunggulan kepengarangan, iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Bagi menganalisis aspek subjektiviti, kajian ini mengambil satu prinsip sahaja, iaitu prinsip individualisme. Dalam prinsip individualisme ini mengemukakan empat aspek untuk menentukan pembentukan jati diri pengarang, iaitu subjektiviti, stail individu, tindakan individu dan kedirian individu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Faisal Tehrani

mengemukakan pelbagai subjektiviti berdasarkan pengalaman, penelitian dan pengkajiannya. Melalui subjektiviti yang diungkapkan telah membina imej dalam kepengarangannya.

**Kata kunci:** Subjektiviti, stail individu, tindakan individu, kedirian individu.

### *Abstract*

*The presence of Faisal Tehrani in the history of homeland literature has its own impressions and influences through the works he produces. His position and character are so prominent in producing novels as opposed to other literary genres. The novels he produces show their differences and differences, in terms of themes, thoughts, storytelling techniques, language styles and backgrounds. Accordingly, this paper examines aspects of subjectivity expressed in the five novels he produces. The novels are Perempuan Politikis Melayu, Tunggu Teduh Dulu, Bahlut, Bagaimana Anys Naik Ke Langit? and Profesor. To analyze aspects of subjectivity, this study will apply the Textual Theory of Violence cited by Mana Sikana. This theory illustrates four principles to study authorship of an author, namely the principle of presence, collision, consolidation and individualism. In the principle of individualism there are four aspects to determine the construction of authorship, namely subjectivity, individual style, individual action and individuality. The purpose of analyzing this subject to highlight the thoughts, feelings, ideologies and author's purposes is to produce his works continuously. The findings show that Faisal Tehrani presents various subjects based on their experience, research and assessment. Through the subjectivity expressed can build an image in its authorship.*

*Keywords:* Subjectivity, individual style, individual action, individuality.

### **Pengenalan**

Dalam perkembangan kesusasteraan tanah air, Faisal Tehrani antara pengarang angkatan baharu yang produktif dan prolifik berkarya sejak melibatkan diri dalam dunia kesusasteraan tanah air sekitar

tahun 1990-an. Sehingga kini, sudah menghasilkan 24 buah novel. Kebolehan menghasilkan novel yang pelbagai jenis genre sastera, dapat menyerlahkan lagi ketokohan dan kebijaksanaan dalam berkarya. Faisal Tehrani sering memenangi sayembara penulisan peringkat nasional dan negeri sama ada anjuran pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Kemenangan dan anugerah yang diperoleh, pastinya memperkukuh ketokohan dan memantapkan gaya serta daya penulisan daripada aspek persoalan, pemikiran, latar, bahasa, teknik dan seumpamanya. Oleh itu, Faisal Tehrani sudah lama diterima sebagai pengarang yang mempunyai bakat yang terserlah jika diukur kepada sekian banyak karya yang dihasilkannya. Justeru, antara generasi sasterawan dan sarjana yang sedang diperhatikan pada masa kini ialah Faisal Tehrani (Ahmad Kamal Abdullah, 2011). Kehadiran dan penglibatan Faisal Tehrani sangat bermakna dalam perkembangan sastera tanah air sehingga mendapat pengiktirafan dan penghargaan dari dalam dan luar negara. Sebagai buktinya Faisal Tehrani telah diangkat sebagai penerima Anugerah Seni Negara pada tahun 2006 oleh kerajaan Malaysia dan Tokoh Penulis Muda Negeri Melaka pada tahun 2009.

Sepanjang berkarya, Faisal Tehrani memperlihatkan dirinya sebagai cerpenis, novelis, penulis skrip drama, pengkritik dan pengkaji sastera Melayu tidak asing dalam sastera tanah air. Karya-karya Faisal Tehrani dianggap memiliki kekuatan dan keistimewaan tersendiri dari aspek pemikiran, teknik penulisan dan gaya bahasa yang diungkapkan dalam karya-karyanya. Menurut Othman Puteh (2001), pengarang sewajarnya memiliki kepekaan, persepsi dan berupaya mentafsir atau menanggapi kehidupan ini. Pengarang seharusnya juga memiliki beberapa set keistimewaan diri dan harus tampil sebagai pemikir yang mendahului zamannya. Morris (1993) turut berpendapat bahawa, setiap penulis memiliki gaya yang unik, tidak sama. Oleh itu, kejayaan untuk memasarkan jenama diri dan karya bergantung kepada keunikan atau kelainan yang ditampilkan dalam karya-karyanya. Kelainan yang cuba ditampilkan itu sebagai langkah untuk mencipta imej dan lantas mengundang keterujaan khalayak untuk mendekati dunia kreativitinya. Usaha untuk mencipta kelainan ini sangat dituntut dalam sebarang kegiatan termasuk karya sastera. Muhd. Nasruddin Dasuki (2000), menyatakan bahawa untuk menempatkan diri dalam perkembangan kesusasteraan tanah air hendaklah menghasilkan karya-

karya yang mempunyai kelainan. Saranan untuk pengarang menghasilkan karya yang mempunyai kelainan dan berkualiti telah disuarakan oleh Othman Puteh (1995) dengan mengatakan; “Sebagai pengarang, kita haruslah mempunyai jati diri yang membezakan diri kita dengan orang lain kerana di sinilah nanti akan menyerlahnya peribadi seseorang pengarang itu.”

Sehingga kini, Faisal Tehrani terus aktif berkarya dan telah menyumbangkan sejumlah besar novel bersaiz tebal dan nipis (*novelet*) yang mengupas pelbagai isu seperti sosial, politik, ekonomi, kebudayaan dan keagamaan serta permasalahan masyarakat berdasarkan pengamatan, pengalaman dan pengkajiannya. Siti Jasmina Ibrahim (2004) mengatakan, antara penulis muda yang mula dikenali dan dikaji karyanya setelah memenangi hadiah sastera ialah Faisal Tehrani. Seiring dengan itu juga karya, catatan dan pemikirannya sering menjadi tumpuan dan novelnya dianggap visi baharu selepas dua Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said dan Datuk Shahnnon Ahmad meneroka pemikiran kritis dan kreatif (Imlan Adabi, 2014).

Apabila merujuk novel-novelnya, Faisal Tehrani berusaha untuk mempamerkan keperibadian yang luhur, reaktif dan keprihatinan terhadap fenomena dan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat di dalam dan luar negara. Perlukisan subjek, watak dan latar yang lazimnya diberi penekanan oleh Faisal Tehrani turut menggambarkan idea dan gagasan dalam berkarya sehingga menyerlahkan jati diri sebagai pengarang yang idealis dan mempunyai keunggulan. S.M. Zakir (2009) mengatakan bahawa, Faisal Tehrani telah membangunkan semula ciri leitkultur sastera Melayu kerana telah mengungkap sastera dalam ciri budaya tinggi yang bukan sahaja menghantar bahasa dan makna, tetapi pemikiran budaya yang sangat kukuh. Sehubungan itu, penulisan ini bertujuan untuk mengupas subjektiviti yang diungkapkan dalam beberapa buah novel Faisal Tehrani yang dilihat memiliki kekuatan dan kelainan tersendiri.

## **Konsep Teori**

Teori menyediakan beberapa fungsi yang berbeza kepada pengamal bagi kebanyakan profesion sama ada melibatkan seni, kes-kes

perundangan atau hubungan terapeutik (Boy & Pine 1999; Kotter & Brown 2000). Teori berperanan dalam:

- (a) Mengumpulkan dan menghasilkan maklumat yang mana boleh diguna secara mudah.
- (b) Menyediakan asas untuk tindakan, merangka pilihan yang ada berpandukan apa yang baik untuk kebaikan masyarakat.
- (c) Membantu kita mengikut landasan yang ditetapkan dan menilai keputusan mengikut matlamat.
- (d) Mengarah tumpuan kepada data-data terpilih yang diketahui paling berguna.
- (e) Memberi panduan kepada pembentukan idea dan intervensi yang konsisten dengan amalan masa kini.
- (f) Merangsang kajian berterusan untuk menguji hipotesis dan merangkaformulabaru bagi penyelidikan.

Dalam sastera teori dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu teori sastera, teori kritikan sastera dan teori penulisan teks sastera (Mana Sikana, 2015). Terdapat hubungan erat antara teori sastera dengan kritikan sastera. Menurut Samsina Abdul Rahman (Hajjah Jais, 2005), teori merupakan gagasan tentang definisi, konsep, prinsip, kriteria dan saranan yang memperjelas sesuatu subjek. Kritikan pula merujuk kepada aspek penilaian, pentafsiran, penganalisisan dan penghuraian. Kedua-duanya merupakan salah satu disiplin ilmu yang tersendiri yang berupa teraju kepada pemartabatan genre susastera di tahap tinggi. Teori sastera sebagai kategori pemikiran yang menyediakan kriteria-kriteria bagi menentukan status kesusasteraan karya atau teks, pendekatan-pendekatan dan prosedur-prosedur untuk membolehkan khalayak dan pengkaji memahami dan menilai karya atau teks (Md. Salleh Yaapar, 2002).

Dalam bidang kesusasteraan, teori sastera merujuk kepada teori yang mengkaji prinsip-prinsip kesusasteraan, kategori dan kriteria-kriteria yang berkaitan (Sohaimi Abdul Aziz, 2003). Mengikut Md. Salleh Yaapar (2002), penggunaan teori ini merujuk pada pemikiran dan pemahaman bangsa itu mengenai keseluruhan realiti kewujudan dan kedudukan sastera itu sendiri di sisi bangsa berkenaan tentang

pengarang dan proses kreatifnya, keperihalan karya atau teks bersama fungsinya, dan kedudukan khalayak. Mana Sikana (2004) telah menggariskan empat fungsi teori sastera. Pertama, teori dapat memberi arahan, haluan atau jalan yang nak dituju. Kedua, teori dapat juga mengawal penyelewengan matlamat sesuatu penulisan. Ketiga, teori turut menjadi dasar sesuatu pencarian dan keempat, teori dapat memandu sesuatu penulisan seperti kritikan sastera. Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut, teori menjadi landasan untuk mengkaji sesebuah karya atau teks sastera. Secara langsung dan tidak langsung teori-teori ini membantu dalam memacu perkembangan kesusasteraan tanah air. Para pengkaji pula bebas untuk menggunakan teori-teori yang ada bagi menganalisis novel sama ada dalam aspek tekstual atau kontekstual bagi menentukan sesebuah karya itu berkualiti dan pengarang yang hebat.

### **Konsep dan Falsafah “Teori Teksdealisme”**

Teori Teksdealisme digagaskan oleh Mana Sikana, berlandaskan bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya supaya mencapai tahap keunggulan. Ungkapan ‘Teksdealisme’ merujuk kepada dua gabungan perkataan, iaitu ‘teks’ dan ‘idealisme’. Kewujudan teori ini ditakrifkan sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat ideal ataupun keunggulannya. Teks yang unggul ialah teks yang mempunyai nilai dan mutu yang tinggi. Oleh sebab itu, teori ini juga disebut sebagai teori keunggulan (Mana Sikana, 1996). Teori Teksdealisme mengemukakan empat prinsip utama sebagai landasan untuk mencapai keunggulan, iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Semua prinsip ini dihubungkan dengan pengarang, teks dan khalayak. Bagi aspek kepengaruhan dilihat pada pengarang, prinsip pemilihan kata juga dikaitkan dengan teks atau karya dan kesan dikaitkan dengan khalayak atau pembaca.

Teori Teksdealisme menetapkan metode untuk menilai keunggulan sesebuah karya itu berlandaskan tiga aspek, iaitu pengarang, teks dan khalayak (Mana Sikana, 1996). Falsafah teori ini menegaskan bahawa setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk

melahirkan karya yang bermutu, karya yang memiliki nilai yang tinggi, keunggulan serta mampu menyaingi teks-teks yang sedia ada, sama ada yang dihasilkan sendiri mahupun pengarang lain. Bagi mencapai tahap keunggulan, seseorang pengarang seharusnya memiliki keberanian untuk mengemukakan idea dan pemikiran yang baharu dan bersedia untuk melakukan inovasi atau pembaharuan. Lantaran itu, pengarang sewajarnya mempunyai kebijaksanaan, iaitu sifat yang mendorong pelaksanaan ataupun penciptaan teks dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab dan bergerak dalam landasan keilmuan. Tanpa keberanian dan kebijaksanaan, teks-teks yang dihasilkan akan bergerak dalam ruang lingkup tradisinya yang klise dan tidak mencapai taraf *new grand narrative* yang di dalamnya tersembunyi pemikiran-pemikiran besar ataupun ideologi yang bersifat ontologikal. Oleh itu, Mana Sikana telah menetapkan empat prinsip utama untuk diterapkan dalam mengkaji dan menganalisis tentang pengarang, teks dan khalayak.

Selain itu, pengarang sewajarnya dapat membina dan memiliki strategi tekstual bagi setiap karyanya, membina disiplin dan undang-undang (*law*) pengkaryaan yang tersendiri yang tidak diadaptasi dari mana-mana sumber melainkan atas kebijaksanaan diri dan kreativiti idea serta mempunyai *set* pemikiran yang bersifat sendiri di samping sentiasa menghasilkan pembaharuan-pembaharuan yang menakjubkan. Berkaitan dengan khalayak pula, akan menikmati teks tersebut cuba mencari dan menyusuri unsur, ciri-ciri, sifat dan nilai keunggulannya. Dengan itu, khalayak akan didisiplinkan bagi mengenal dan membezakan teks yang mempunyai keunggulan yang tinggi, separa unggul dan kekurangan keunggulannya.

Falsafah Teori Teksdealisme juga menuntut pengarang menoleh kepada pengalaman sastera klasik Melayu yang banyak menyimpan khazanah dan mengandungi intelegensia dan intelektualisme pengarang masa silam. Membaca dan mengkaji teks-teks lama, kita akan samapi kepada sebuah teks yang selama ini digelar sebagai karya agung, yang diminati oleh seluruh orang Melayu. Menurut Mana Sikana (1998) dengan mengambil kebaikan masa silam yang kemudiannya dicernakan dengan keunggulan teks-teks moden dan pascamoden merupakan langkah penuh berani dan bijaksana. Dalam

prinsip kehadirannya pengarang-pengarang telah memberikan pelbagai tafsiran dan makna baharu, terutamanya dalam konsep kewiraan. Makna yang baru atau apa sahaja yang bersifat inovatif tidak akan menjelma sekiranya tidak berlaku proses perlanggaran. Ertinya pengarang akan melakukan prinsip perlanggaran terhadap teks-teks sebelumnya (Mana Sikana, 2007).

Teksdealisme juga menegaskan sifat sebuah teks yang unggul ialah yang mempunyai keperibadiannya sendiri dan biasanya mengasyikkan (Mana Sikana, 2006). Hal ini bermakna, dalam teks tersebut terdapat unsur-unsur magis dan sihir yang akan segera larut dalam diri khalayak. Khalayak berada dalam keasyikan fizikal dan metafizikal yang terjadi hasil kebijaksanaan mencerna struktur formal teks dengan imbalan komposisi sehingga terkesan sifat-sifat artistikinya. Terdapat nilai-nilai kemanusiaan dan moraliti zamannya di dalamnya serta terlihat kekuatan intensifikasi teksnya. Sebuah teks yang unggul juga selalunya memiliki sifat tarikan, iaitu *delectare* yang berkuasa menggerakkan naluri bacaan khalayak. Ini akan berkembang ke tahap pukauan, iaitu *docere*. Dengan itu, khalayak akan terseret ke dalam dunia ciptaan pengarang. Secara tidak sedar, diri khalayak akan masuk ke dalam peradaban dan tamadun teks. Sewaktu dalam proses *delectare* dan *docere* itu, minda khalayak juga turut membina teks tersebut. Ertinya, berlaku penciptaan yang kedua terhadap teks tersebut.

### **Prinsip Individualisme**

Prinsip individualisme atau keperibadian merupakan prinsip paling penting untuk dibincangkan dalam sesebuah teks atau seseorang pengarang. Konsep individualisme merujuk kepada pembinaan kepengarangan seseorang pengarang. Individualisme adalah ciri yang membezakan antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain. Hal ini demikian kerana segala perwatakan kepengarangan akan terbentuk daripada subjek dan ideologi pengarang. Dalam prinsip ini, identiti pengarang menggambarkan keperibadiannya. Setiap pengarang sebolehnya tidak ingin dibayangi oleh pengarang lain, walaupun ada kecenderungan unsur pengaruh kepengarangan individu tertentu itu



dapat dikesan dalam karyanya. Hal ini dapat dikesan pada penulis-penulis muda atau baharu yang menjadikan penulis mapan sebagai idolanya. Keadaan ini mungkin pada peringkat awal penglibatan mereka. Setelah sekian lama berada dalam dunia penulisan, mereka akan mula mencipta identiti atau imej sendiri dan keluar dari kepompong pengaruh tadi. Ada sesuatu yang cuba mereka bina untuk memberikan kelainan dan menjadikannya berbeza dengan penulis lain mungkin daripada aspek pemikiran, gaya bahasa, tema, teknik dan lain-lain lagi. Dalam diri mereka tersemat hasrat untuk membina jati diri tersendiri dan keunggulan tersendiri daripada aspek kepengarangan mahupun karya-karya mereka. Pengandaian dasar ini mengharap setiap pengarang dan setiap teks yang dihasilkan itu dilakukan dengan kesungguhan sendiri.

Menurut Mana Sikana (2006), “proses individualisasi akan membawa seseorang pengarang mencapai taraf yang disebut sebagai *individual author*. *Individu author* serupa dengan istilah *authorship*. Pembentukan individualisme dapat dikesan melalui usaha pengarang yang berusaha dan meneroka untuk mencari sesuatu corak pengkaryaan baharu agar terserlah kejatidirian dan kepengarangannya. Dalam prinsip individualisme terdapat lima aspek membina jati diri pengarang, iaitu subjektiviti, stail individu, reka cipta individu, kedirian dan tindakan individu. Subjektiviti yang dikemukakan oleh pengarang terbina daripada idea, pengalaman, ideologi dan falsafah yang berkaitan dengan pemilihan subjek dan pusat pemikiran pengarang atau disebut sebagai individual subjek. Subjek biasanya akan membentuk pemikiran dan daripada pemikiran akan terbentuk pula ideologi. Ideologi merupakan agenda penting pengarang pascamodenis. Menurut Terry Eagleton (Mana Sikana, 1996), ideologi menjadi jati diri seseorang pengarang. Ideologi mengandungi enam komponen, iaitu idea, kepercayaan, nilai hidup, falsafah, perjuangan, kualiti dan kekuatan. Semua komponen ini harus menunjangi karya-karya pengarang. Pengarang yang cetek daripada aspek ideologi tidak akan mencapai tahap keunggulan. Hal ini bermakna, pengarang tidaklah semestinya terlalu bergantung kepada penghasilan karya yang *avant-garde*. Pengarang yang tidak menghasilkan karya seperti ini juga masih boleh mencapai tahap keunggulan, individualiti ataupun jati diri pengarang.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini akan membincangkan lima buah novel terpilih Faisal Tehrani, iaitu *Perempuan Politikus Melayu* (PMM), *Tunggu Teduh Dulu* (TTD), *Bahlut*, *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?* (BANKL?) dan *Profesor*. Pemilihan novel-novel ini berdasarkan kecenderungan pengarang membincangkan tema, pemikiran dan persoalan yang berbeza dalam novel-novel tersebut. Kajian ini berfokus terhadap tema, subjek, pemikiran dan persoalan yang disampaikan secara langsung atau tidak langsung melalui watak utama dan watak-watak sampingan dalam novel-novel kajian. Teori Teksdealisme akan menjadi landasan kajian untuk menganalisis aspek subjektiviti melalui prinsip individualisme. Keadaan ini akan memberikan suatu jalan kepada kita untuk membuat penilaian dengan penuh berhemah dan bertanggungjawab terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku dalam karya.

## **Analisis Subjektiviti dalam Novel-novel Terpilih**

Sebagaimana yang dinyatakan, terdapat empat kriteria untuk mengesan individualisme pengarang, iaitu subjektiviti, stail individu, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu (Mana Sikana, 2006). Subjektiviti merujuk kepada usaha pengarang atau teks dalam mengungguli dirinya. Cara pengarang menjarang idea, memilih isinya, memunggah saratan bahannya, mematangkan dan mengejapkan yang identik dengan pembinaan subjek pengarang. Ada pengarang yang terlalu tergoda dengan persoalan nasib bangsanya, lalu memilih subjek-subjek yang berkaitan dengan pembinaan kuasa dan kepertuannya; ada pula yang tertarik dengan dunia kewanitaan sehingga alam dan naluri kewanitaan yang disubjektivitinya. Begitu seterusnya setiap pengarang itu selalunya yang menarik perhatian naluri kepengarangannya. Daripada subjek-subjek pilihan itulah yang membina subjek karyanya, sehingga akhirnya kita dapat mengenal identiti subjeknya (Mana Sikana, 2006). Faisal Tehrani sebagai pengarang yang bermula pada peringkat muda menghasilkan novel-novelnya, lantas akan terpengaruh dengan suasana dan subjek yang dekat dan menarik perhatiannya.

Bagi menjelaskan subjektivitinya, perlu menyorot kepada ideologi yang mendokong novel-novel yang dihasilkan. Ideologi merupakan praaspirasi kepada pengarang yang terbentuk sewaktu seseorang pengarang itu menghasratkan dirinya untuk menjadi pengarang (Mana Sikana, 2006). Subjek yang menyerlahkan dalam novel-novel yang dianalisis adalah subjek kemiskinan, politik, pemimpin, masalah sosial, golongan belia atau muda dan agama. Subjek kemiskinan masyarakat di luar bandar menjadi fokus dalam novel-novel Faisal Tehrani. Faisal Tehrani memperlihatkan bahawa kemiskinan berlaku dalam masyarakat bukan disebabkan sikap masyarakat yang malas, memilih pekerjaan, tiada kemahiran, kurang pendidikan dan kemahiran tetapi kemiskinan berpunca daripada pihak berkuasa, iaitu pemimpin. Keadaan kemiskinan ini dapat dilihat dalam novel *PPM*, *TTD*, *Bablut* dan *BANKL?* Menerusi dua novel ini, Faisal Tehrani ingin memperlihatkan kehidupan masyarakat di desa yang masih tidak menerima pembangunan seperti di bandar. Hal ini disebabkan ada ahli politik yang dipilih tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan betul dan tidak menunaikan janji semasa sebelum pilihan raya dilakukan. Sebaliknya ahli politik bertindak dengan merampas pula harta atau sumber rezeki masyarakat yang memilihnya semata-mata untuk kepentingan diri dan pembangunan yang akan menaikkan imejnya. Misalnya, dalam novel *PPPM*, keadaan kemiskinan ini disampaikan menerusi penduduk di kampung Jentayu. Penduduk di Kampung Jentayu digambarkan hidup dalam kemiskinan dan sumber pendapatan utama ialah mengerjakan tanaman padi. Kehidupan mereka digambarkan dalam kemiskinan dan serba kekurangan kemudahan asas di rumah untuk disediakan kepada isteri dan anak-anak. Situasi ini digambarkan pada watak Jora dan Haji Chenon yang bergantung hidup hasil daripada mengerjakan sawah padi. Oleh sebab itu, mereka bangkit melawan pihak-pihak yang mahu mengambil tanah-tanah sawah mereka bagi dijadikan tapak pembinaan padang golf dan perumahan elit.

Seterusnya subjek ini turut diketengahkan dalam novel *TTD* melalui watak Sazli. Keadaan keluarganya yang miskin menyebabkan Sazli terpaksa bekerja di ladang betik milik Salsabila. Sazli mengambil keputusan untuk bekerja bagi menampung perbelanjaan untuk

menyambung pengajian di Jerman. Sementara itu dalam novel *Bahlut* dan *BANKL?* pula memaparkan kemiskinan hidup yang ditanggung oleh masyarakat peribumi. Kehidupan mereka dalam kemiskinan dan ketinggalan dalam menikmati kemudahan asas, pendidikan, bekalan air bersih, elektrik dan jalan raya. Kemiskinan yang dihadapi oleh ibu bapa menyebabkan anak-anak tidak dapat meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Ibu bapa mengharapkan anak-anak akan menetap di kampung dan meneruskan pekerjaan tradisi seperti mencari hasil-hasil hutan, bercucuk tanam, memburu dan sebagainya. Keadaan hidup ini digambarkan pada masyarakat di kampung Bahlut yang miskin menyebabkan rakan-rakan Bahlut tidak melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Begitu juga dalam novel *BANKL?* memaparkan kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk peribumi di Sarawak. Kehidupan mereka masih bergantung dengan hasil hutan dan belum menerima kemudahan asas mencukupi seperti jalan raya, bekalan elektrik, air paip dan sebagainya. Oleh itu, mereka telah bangkit menentang projek pembangunan yang dilakukan di kawasan penempatan mereka. Bagi melaksanakan pembangunan banyak hutan telah diteroka dan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Kesan daripada penerokaan hutan telah menjejaskan sumber pendapatan mereka yang bergantung sepenuhnya dengan sumber alam tersebut.

Subjek seterusnya adalah berkaitan kehidupan golongan belia. Golongan belia yang dicipta menggambarkan seorang yang berjiwa besar, kental, berani, intelektual, patriotisme, nasionalisme dan lain-lain lagi yang disesuaikan dengan penghasilan karyanya. Beliau ingin menyedarkan golongan belia mengenai peranan dan tanggungjawab mereka terhadap bangsa, agama dan negara. Sehubungan itu, sebaik mungkin telah menerapkan nilai-nilai positif yang harus dimiliki dan dilakukan oleh golongan belia. Umpamanya dalam novel *PPM*, memaparkan subjek golongan muda yang berjuang untuk membela nasib, maruah dan hak yang dilakukan oleh kuasa ahli politik atau golongan birokrat. Melalui novel ini, Faisal Tehrani telah membina beberapa pemuda-pemudi yang gigih, berani, tekun dan berusaha untuk membongkar perbuatan ahli-ahli politik yang sekian lama

terlindung di sebalik kekuasaan, pengaruh, kekayaan dan kehebatan pada pandangan mata masyarakat dan penyokongnya. Sekumpulan muda-mudi yang berjuang dan bertindak untuk menegakkan keadilan ini diketuai oleh Irfan, Jenny, Chai Yin dan Kasmariza. Bagi mencapai hasrat itu, Irfan telah mendekati Jenny untuk mendapatkan maklumat mengenai tingkah laku dan penglibatan Datuk Zuri dalam kegiatan jenayah. Ini disebabkan Jenny merupakan perempuan simpanan kepada Datuk Zuri dan banyak menyimpan rahsia mengenai kehidupan Datuk Zuri tersimpan rapi dalam diri Jenny. Melalui Jenny, Irfan dapat mendedahkan perbuatan-perbuatan tidak bermoral dan tindakan Datuk Zuri yang selama ini tersembunyi kukuh tanpa pengetahuan ahli parti dan masyarakat yang mengundinya. Sebenarnya Datuk Zuri bukan seorang pemimpin yang baik dan berjiwa rakyat kerana banyak melakukan penyelewengan, rasuah, menyalahgunakan kuasa dan penganiayaan bagi mengekalkan kuasa dan kekayaannya. Kesalahan yang lebih besar adalah cara mengambil tanah penduduk Kampung Jentayu secara paksaan dan dibayar dengan harga yang tidak berpatutan.

Subjek perjuangan golongan belia diberi pengukuhan dalam novel *TTD*. Konsep perjuangan dalam novel ini berbeza dengan novel-novel terdahulu. Novel ini memperlihatkan perjuangan anak-anak muda yang ditampilkan melalui Salsabila dan Teh Sofia dalam mencapai cita-cita atau merealisasikan impian mereka untuk menjadi pengusaha penanaman betik yang berjaya. Perjuangan yang dihadapi oleh Salsabila dan Teh Sofia dalam menjayakan ladang betik mereka ialah menghadapi masalah peribadi, masalah serangan serangga perosak, cuaca dan sebagainya. Selain itu, digambarkan pemimpin atau ahli politik yang tidak berusaha untuk membantu rakyat atau masyarakat di luar bandar daripada menjadi mangsa pihak-pihak tertentu. Keadaan ini dapat dilihat kepada perjuangan Salsabila dan Teh Sofia yang berusaha untuk mempertahankan ladang betik mereka yang sedang mengeluarkan hasil daripada diambil untuk pembangunan. Usaha mereka gagal disebabkan sikap wakil rakyat tidak bersungguhan atau sebagai pembela bagi menggunakan kuasa dan kedudukannya untuk berhadapan dengan pihak yang ingin melaksanakan pembangunan.

Subjek golongan belia terus diperkatakan menerusi novel *Bahlut*. Dalam novel ini memperlihatkan perjuangan dilakukan oleh anak muda daripada suku kaum orang Asli, iaitu suku kaum Semai. Pemaparan mengenai suku kaum orang Asli ini menunjukkan bahawa Faisal Tehrani semakin peka dan prihatin dengan nasib masyarakat orang Asli dalam negara daripada aspek sosial, pembangunan, pendidikan dan sebagainya. Untuk itu, dihadirkan perjuangan oleh anak-anak orang Asli bagi memperjuangkan hak dan kedudukan mereka yang semakin terganggu disebabkan tindakan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Melalui watak Bahlut, Madi dan Kabut digambarkan anak-anak orang Asli yang sudah berilmu, bijak, terbuka, berani, gigih, cecak dan sebagainya untuk bangkit berjuang bagi mengubah nasib diri dan masyarakatnya. Sekali lagi, Faisal Tehrani menunjukkan adanya peranan daripada pihak-pihak atasan atau berkuasa yang menjadi dalang kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat orang asli. Realitinya, kawasan penempatan penduduk orang asli semakin terancam dan terjejas akibat aktiviti pembalakan yang dilakukan secara meluas dalam hutan.

Selain itu, subjek politik dan peranan pemimpin menjadi subjek dalam beberapa novelnya. Subjek politik yang dikemukakan mengenai penyelewengan kuasa, aspek moral dan akhlak pemimpin, penindasan dan mementingkan diri menyebabkan masyarakat menjadi mangsa dan tidak menerima pembangunan sebaiknya. Sebagai implikasinya, masyarakat di bandar atau luar bandar terus berada dalam kemiskinan, dimanipulasikan, dianiayai dan dalam kemiskinan. Dalam *PPM*, digambarkan sikap pemimpin yang rakus, tamak, mementingkan diri dan kuasa seperti Datuk Zuri menyebabkan penduduk kampung atau masyarakat luar bandar akan terus dibelenggu kemiskinan dan ditindas kerana mereka tidak mempunyai kudrat dan kuasa untuk mempertahankan hak mereka daripada diambil secara paksa. Selanjutnya dalam novel *TTD* dan *Bahlut* juga aspek kepemimpinan wakil rakyat dan peranan ahli politik dimantap dan diperteguhkan oleh Faisal Tehrani. Dalam *TTD*, diperlihatkan bagaimana Salsabila dan Teh Sofia gagal mempertahankan tanah ladang betik mereka daripada diambil untuk projek pembangunan membina padang golf dan perhotelan. Kegagalan ini disebabkan wakil rakyat, iaitu Datuk Ghaffar tidak

menunjukkan kesungguhan dan pengaruhnya bagi melindungi tanah-tanah orang kampung, dan termasuk ladang betik milik Salsabila daripada diambil untuk menjayakan projek pembangunan yang dirancang. Secara tersirat, Faisal Tehrani membuat sindiran terhadap wakil rakyat yang gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai wakil rakyat bagi masyarakat yang memilihnya. Sekiranya wakil rakyat itu mempunyai sikap yang tegas, berkarisma, berani dan bijak pasti isu ini dapat diatasi dengan sebaiknya.

Pemantapan subjek ini diteruskan dalam *Bahlut* dan *BANKL?* memperlihatkan sikap ahli politik dan pemimin yang mengabaikan masyarakat orang asli atau masyarakat moniriti. Faisal Tehrani bersifat terbuka dan telus dengan memaparkan keadaan sebenar mengenai kehidupan masyarakat suku kaum Semai yang semakin terancam akibat perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab oleh segelintir pemimpin dan wakil rakyat. Hakikatnya, isu pembalakan haram dan pembalakan merupakan masalah yang sukar diatasi dengan berkesan kerana adanya campur tangan atau didalangi oleh pihak-pihak yang mempunyai kuasa yang kebal dan besar. Melalui watak Bahlut, seolah-olah menjadi pemikiran satira dalam bentuk sindiran dan ejekan oleh Faisal Tehrani terhadap sikap dan perbuatan segelintir wakil rakyat atau pihak-pihak tertentu yang dilindungi untuk melakukan pencabulan hak dan pembalakan hutan secara besar-besaran sehingga mengancam kehidupan masyarakat orang asli di pedalaman. Ini dapat dibuktikan dengan usaha Bahlut untuk mendedahkan dan membawa pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan pembalakan haram di kawasan hutan di kampungnya ke muka pengadilan.

Subjek agama turut menjadi subjektiviti kepada kepengarangan Faisal Tehrani. Pengambilan dan pengekaln subjek ini seiring dengan latar belakang pendidikan agama yang dimiliki secara mendalam dan menghasilkan karya untuk mengajak golongan pembaca remaja kepada ajaran agama Islam. Tambahan pula dengan senario semasa yang melihat pelbagai masalah sosial dan sekitaran yang mengubah pemikiran, gaya hidup, pegangan dan budaya hidup remaja terhadap ajaran Islam telah mendorongnya untuk berdakwah. Pengambilan ajaran Islam ini bertujuan untuk membawa kembali golongan remaja

menghayati agama Islam seperti bersifat berani, bersemangat juang yang tinggi, berjihad, patriotisme dan sebagainya. Pemaparan unsur keagamaan ini dapat dikesan dalam *PPM*, *TTD* dan *Profesor*. Faisal Tehrani ingin menegaskan bahawa ajaran agama yang perlu diamalkan dan menjadi pegangan setiap umat Islam tanpa mengira pangkat, kedudukan, golongan tua mahupun muda atau remaja. Beliau mengetengahkan ajaran-ajaran dan nilai-nilai agama seperti mengerjakan solat, membaca al-Quran, mengerjakan haji dan umrah, pemaaf, kasih sayang dan elemen agama yang paling besar seperti bangkit berjihad dan mempertahankan agama apabila mendapat ancaman daripada musuh-musuh Islam.

Dalam novel-novelnya juga terdapat watak-watak yang dipilih, ada antara watak yang kuat beragama lalu berhadapan dengan konflik atau bertembung dengan watak yang sebaliknya. Namun begitu, subjek dan penyelesaian teks menggunakan pendekatan hukum keagamaan. Misalnya, dalam *PPM* watak yang beragama ditampilkan menerusi Haji Chenon. Haji Chenon menghadapi masalah untuk mendapatkan keadilan daripada Datuk Zuri yang telah menipu orang-orang kampung dalam proses pembayaran pampasan pengambilan tanah. Dalam novel *TTD*, *Faisal* Tehrani ingin menyampaikan ajaran Islam kepada golongan belia supaya melaksanakan perintah agama. Subjek ini disampaikan melalui watak Salsabila, Sazli dan Teh Sofia. Sementara itu, watak Shahruzzaman dan Mimi digambarkan golongan belia yang hidup dalam kesesatan dan kemungkar. Salsabila digambarkan seorang perempuan yang sangat taat kepada agama seperti menghormati orang tua, bersopan-santun, berbudi bahasa, merendah diri, pemaaf, cekal, rajin dan sebagainya. Begitu juga dengan Sazli seorang pemuda yang rajin, menghormati orang tua, gigih, penyayang, berhemah dan lain-lain lagi. Faisal Tehrani menyampaikan dakwah melalui watak Salsabila, Sazli dan Teh Sofia bagi dicontohi oleh golongan pembaca. Salsabila digambarkan seorang yang taat kepada agama seperti tidak pernah meninggalkan solat, sentiasa berdoa bagi memohon petunjuk atau pertolongan daripada Allah SWT, menunaikan umrah, berjuang untuk mempertahankan hak, berani dan sebagainya. Salsabila telah memaafkan ibu tirinya yang pernah melayan dirinya dengan kasar atau membenci dirinya sewaktu zaman



remajanya, memaafkan kesalahan Shahruzzaman yang banyak melakukan kesalahan kepada diri dan ladang betiknya, memohon kemaafan daripada Sazli kerana menuduh cuba merogolnya dan lain-lain lagi sikap dan tingkah lakunya yang dituntut dalam ajaran Islam.

Faisal Tehrani dengan jelas mahu mengajak golongan muda menunaikan tuntutan agama seperti amalan bersolat, membaca al-Quran, mengerjakan umrah dan haji. Semua tuntutan agama ini diselitkan dalam novel-novel yang dikaji. Situasi ini menunjukkan Faisal Tehrani begitu mementingkan ibadah solat yang merupakan Rukun Islam yang pertama, iaitu menunaikan solat dan mengerjakan Haji. Misalnya dalam novel *PPM* digambarkan terdapat Masjid Tok Guru Kia yang dibina semasa kampung Jentayu dibuka. Pembinaan masjid ini menunjukkan penduduk kampung sangat mengambil berat mengenai ibadah solat. Selain memaparkan ibadah solat, dalam novel ini juga dipaparkan ibadah umrah. Hal ini digambarkan melalui watak Datuk Zuri yang menunaikan umrah setelah meletakkan jawatan dalam politik setelah segala kesalahan yang dilakukannya terbongkar. Begitu juga dalam *TTD* diperlihatkan melalui watak Salsabila dan mak ciknya yang mengerjakan solat, membaca al-Quran dan menunaikan umrah. Amalan bersolat dan membaca al-Quran diteruskan dalam *Bahlut* melalui watak Ust. Zaidi dan Mak Su Suraya yang mengerjakan solat telah menarik perhatian Bahlut. Akhirnya Bahlut dan Kabut telah menerima agama Islam sebagai pegangan diri mereka. Ajaran dakwah untuk menunaikan solat diteruskan dalam novel *BANKL?* diperlihatkan melalui watak Profesor Anyss yang tidak mengabaikan solat walaupun berada di negara China. Hal ini menunjukkan bahawa Faisal Tehrani ingin menyampaikan dakwah supaya golongan muda dan dewasa tidak mengabaikan solat yang merupakan amalan paling penting dalam agama Islam.

Berdasarkan novel terkininya, iaitu *Bahlut*, *BANKL?* dan *Profesor*, kedudukan Faisal Tehrani sudah berubah dalam memilih persoalan, aliran, teknik, idealisme dan tujuannya. Subjek mengenai masyarakat terpinggir ini secara tersiratnya sudah disisipkan dalam novel *PPM* dan *TTD* lagi tetapi lebih menyerlah kepada subjek politik dan kegiatan ekonomi. Misalnya dalam novel *PPM*, penindasan yang

dilakukan oleh watak Datuk Zuri terhadap penduduk kampung Jentayu. Datuk Zuri menggunakan kuasanya untuk mendapatkan tanah-tanah dan membayar dengan nilai pampasan rendah bagi setia pengambilan tanah-tanah penduduk kampung Jentayu. Jika terdapat penduduk kampung yang menentang akan ditangkap tanpa dibicarakan dengan adil. Oleh itu, Haji Chenon dan Jora telah ditangkap dan dipenjarakan tanpa kesalahan yang sebenarnya di sisi undang-undang. Segala kejahatan dan kezaliman yang dilakukan oleh Datuk Zuri tidak berupaya untuk didedahkan dan beliau terus berjaya dalam politiknya.

Subjek masyarakat terpinggir yang berjuang untuk meneruskan kehidupan dan mencapai cita-citanya digambarkan juga dalam novel *TTD*. Persoalan ini diperlihatkan melalui watak Salsabila, Shahruzzaman dan Sazli. Watak Salsabila mewakili penduduk kampungnya yang terpaksa menyerahkan tanah pusaka untuk menjayakan pembangunan negara. Watak Salsabila bukan sahaja kehilangan tanah pusaka malahan kehilangan ladang betik yang diusahakan di tanah pusaka tersebut. Kekecewaan Salsabila semakin ketara kerana terpaksa berjuang untuk mendapatkan harga pampasan yang sewajarnya daripada pihak pemaju. Watak Sazli pula mewakili golongan belia dari luar bandar yang miskin dan berjaya dalam pelajaran. Watak Sazli digambarkan belia yang bercita-cita tinggi, gigih, rajin dan bijak kerana sanggup bekerja di ladang betik sebagai buruh bersama warga asing bagi mendapatkan wang sebelum melanjutkan pengajian ke luar negara. Watak Shahruzzaman pula diperlihatkan bahawa golongan belia yang pernah melakukan kesalahan perlu diberi peluang untuk membina kehidupan yang baharu dan dibantu. Misalnya, akibat gagal mendapat pinjaman dari bank komersial, Shahruzzaman terpaksa membuat pinjaman daripada syarikat pinjaman segera untuk mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan setelah ke luar dari pusat pemulihan dadah. Shahruzzaman akhirnya mati dibunuh oleh orang-orang upahan 'along' kerana gagal membayar hutang.

Seterusnya didapati, Faisal Tehrani terus mengambil masyarakat terpinggir sebagai subjek utama dalam novel *Bahlut* dan diperkukuh dalam novel *BANKL?* Menerusi dua novel ini membawa imej baharu

kepada kepengarangannya kerana membicarakan nasib yang menimpa masyarakat orang asli dan peribumi. Kedua-dua masyarakat ini merupakan kumpulan minoriti yang berada di pedalaman dan masih kekurangan kemudahan asas seperti yang dinikmati oleh masyarakat lainnya. Faisal Tehrani telah mengubah individualisme untuk menghasilkan novel yang lebih berat seiring dengan kedewasaannya dalam menghasilkan novel-novel. Jika disorot dalam novel *Bahlut*, subjek yang dikemukakan mengenai kehidupan masyarakat orang asli, suku Semai di Pahang. Masyarakat ini digambarkan masih dalam kemiskinan, ketinggalan dan dilakukan penganiayaan oleh pihak-pihak tertentu. Segala bentuk penindasan, penganiayaan dan penyelewengan yang berlaku disenyapkan oleh individu dan pihak tertentu. Oleh itu, kegiatan pembalakan haram telah berlaku dengan berleluasa sehingga menjejaskan kehidupan masyarakat orang asli. Hutan-hutan yang ditebang telah menjejaskan sumber hutan, pencemaran air, udara, keselamatan dan kesihatan penduduk kampung suku Semai. Faisal Tehrani secara sedar menengahkan subjek ini untuk mengkritik serta menyelar pihak berkuasa yang seolah-olah mengabaikan kebajikan masyarakat orang asli. Sehingga kini, kehidupan dan belia masyarakat orang asli masih kurang yang berjaya dalam pendidikan serta menjawat pekerjaan penting akibat daripada pengabaian berterusan terhadap anak-anak orang asli.

Subjek masyarakat terpinggir yang dibina secara sampingan dalam novel-novel awalnya, dan difokuskan dalam novel *BANKL?* Dalam novel *BANKL?* digambarkan masyarakat peribumi di Sarawak sedang menghadapi masalah kehidupan akibat penerokaan hutan di kawasan penempatan mereka. Kehidupan mereka semakin terjejas kerana kehilangan sumber hutan, kesihatan dan keselamatan akibat kegiatan penebangan hutan oleh syarikat-syarikat pembalakan. Pelbagai usaha dan ikhtiar telah dilakukan tetapi tidak berjaya untuk menghalang kegiatan ini. Hal ini disebabkan hak mereka terhadap tanah-tanah tersebut telah dinafikan oleh pihak kerajaan dan menyatakan bahawa kegiatan penerokaan hutan telah memberi manfaat kepada mereka seperti peluang pekerjaan kepada suku-suku kaum peribumi. Faisal Tehrani menggambarkan kegiatan penerokaan hutan tersebut berlaku disebabkan pihak pemerintah tidak

memikirkan keperluan dan kepentingan hutan kepada masyarakat peribumi. Tambahan pula, mereka merupakan kumpulan minoriti yang tidak berupaya untuk melawan atau menentang usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan di tempat mereka. Subjek ini digambarkan pada watak Profesor Anyss yang berjuang seorang diri untuk membela nasib yang menimpa suku kaum Penan. Segala usaha dan perjuangan daripada Profesor Anyss tidak kesampaian kerana beliau sendiri terkorban dalam perancangan yang rapi untuk mengelakkan masalah ini didedahkan.

Subjek seterusnya yang diungkapkan adalah keruntuhan sosial dalam kalangan masyarakat di kota. Subjek ini begitu ketara dikemukakan dalam novel *PPM*, *TTD* dan *Profesor*. Masalah sosial ini berlaku dalam semua lapisan masyarakat tanpa mengira status, lelaki dan wanita, umur dan bangsa. Faisal Tehrani melihat masalah sosial ini berlaku di kota terlibat dalam gejala ini disebabkan oleh pengaruh rakan, masalah keluarga, pegangan agama yang rapuh dan pengalaman silam. Terdapat juga golongan belia yang terlibat dalam kegiatan tidak bermoral ini atas dasar untuk hidup dalam kemewahan, keseronokan dan pengalaman silamnya. Masalah keruntuhan moral yang diungkapkan ialah kegiatan pelacuran, pergaulan bebas, mengambil minuman beralkohol, berkesedudukan dan kecurangan antara suami dan isteri. Masalah sosial ini dapat dilihat dalam novel *PPM* dan *TTD*. Menerusi novel *PPM*, masalah sosial yang dibangkitkan berlaku dalam masyarakat di kota dalam kegiatan pelacuran, sumbang mahram, berpeleseran, kecurangan suami dan isteri. Masalah keruntuhan moral ini disampaikan melalui watak Jenny, Datuk Zuri, Gunjai, Ricky dan Barbara serta Datin Malini. Melalui watak Jenny dan Gunjai, misalnya terlibat dalam kegiatan pelacuran untuk mencapai kehidupan yang mewah. Watak Jenny sanggup menjadi perempuan simpanan kepada Datuk Zuri dan menjual diri kepada sesiapa sahaja bagi mendapatkan wang. Begitu juga dengan watak Gunjai yang terlibat dalam kegiatan 'gigolo' kerana tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu serta ayahnya. Gunjai melakukan perbuatan yang dilarang itu untuk mendapatkan keseronokan, kepuasan dan melepaskan perasaan kecewa terhadap keluarganya. Sementara itu, masalah sosial dalam novel *TTD* pula dipamerkan melalui watak Shahruzzaman dan Mimi.

Watak Shahruzzaman digambarkan gemar menghabiskan masa dan wang dengan mengamalkan gaya hidup bebas bersama rakan-rakannya. Shahruzzaman diperlihatkan malas bekerja, kerap mengunjungi pusat-pusat hiburan dan mengamalkan gaya hidup yang bebas. Lantaran dengan mengamalkan sikap dan cara hidup sedemikian, telah menyebabkan Shahruzzaman berhutang dengan 'along' dan akhirnya meninggal dunia setelah dibunuh oleh orang-orang upahan 'along'.

Hakikatnya juga masalah sosial dan keruntuhan moral ini bukan hanya berlaku dalam kalangan belia, tetapi melibatkan golongan dewasa atau warga tua. Subjek ini dipaparkan dalam novel *PPM*. Dalam novel ini digambarkan masalah sosial dilakukan oleh golongan berstatus tinggi seperti ahli politik, korporat dan hidup dalam kemewahan. Mereka terlibat dalam kegiatan tidak bermoral disebabkan masalah dalam rumahtangga, pegangan agama yang kurang, memiliki kekayaan dan inginkan keseronokan. Hal ini digambarkan melalui watak Datuk Zuri, Tan Sri Yadi, Datin Malini dan Datin Barbara. Mereka daripada golongan berada, dihormati dan dipandang tinggi dalam masyarakat tetapi melakukan perbuatan yang tidak bermoral di sebalik kemewahan yang dimiliki. Misalnya, Datuk Zuri mempunyai seorang perempuan simpanan, iaitu Jenny. Jenny dipergunakan oleh Datuk Zuri bukan sahaja untuk kepuasan batinnya, tetapi digunakan sebagai barangan kepada rakan-rakan perniagaannya untuk melabur pelbagai projek di daerah kuasa politiknya, manakala Datin Malini dan Datin Barbara pula terjebak dalam kegiatan tidak bermoral disebabkan masalah dalam keluarga, iaitu kurang mendapat kasih sayang daripada suami, diabaikan oleh suami dan berada dalam kesunyian akibat sikap suami yang mementingkan diri serta kerjaya. Kelakuan sumbang suami dan isteri dalam novel ini menunjukkan bahawa punca utama kepada keruntuhan institusi keluarga berpunca daripada ibu bapa.

Kehadiran subjek ini dimantapkan dalam kepengarangan Faisal Tehrani menerusi novel terkininya, berjudul *Profesor*. Menerusi novel ini, Faisal Tehrani mengungkapkan satu lagi masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat, iaitu hubungan songsang atau berkaitan dengan hubungan intim. Dalam novel ini, masalah hubungan songsang yang

diangkat menjadi subjek adalah hubungan sumbang antara perempuan dengan perempuan atau dikenal sebagai 'lesbian'. Perbuatan ini dilakukan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, taraf pendidikan, kerjaya dan di bandar atau di desa. Gejala sosial ini disampaikan melalui watak seorang wanita yang berpendidikan tinggi, dihormati dan berkerjaya, iaitu watak Prof. Suliza. Watak ini mengamalkan gaya hidup songsang dengan menjalin hubungan sulit dengan beberapa perempuan, iaitu Hashimah Shim dan Wan Ros. Dalam novel ini, Faisal Tehrani ingin memperlihatkan bahawa amalan ini merupakan suatu perbuatan yang dilihat terkutuk, keji dan tidak boleh diterima oleh masyarakat. Oleh itu, bagi individu yang mengamalkan gaya hidup ini perlu dihukum dan dipulihkan kerana bertentangan dengan ajaran agama dan budaya masyarakat timur.

## **Rumusan**

Kesimpulannya, Faisal Tehrani menonjolkan subjek-subjek tersendiri bagi menyerlahkan indionsinkrasi diri untuk dikenali melalui karya-karyanya. Terdapat subjektiviti yang dikekalkan dan diperkukuh, iaitu subjek politik, agama, kemiskinan, masalah sosial dan perjuangan golongan minoriti. Perubahan subjek dalam novel-novel pula menggambarkan beliau antara pengarang yang dinamik dan tidak mahu terikat dengan satu subjek yang sama. Walaupun begitu, subjek yang diperkukuh masih mengambil manusia sebagai subjek, pemikiran dan faktanya. Pelbagai isu dan masalah mengenai manusia telah dibicarakan dengan berkesan dalam novel-novel awal hingga novel terkininya. Pengambilan subjek berkaitan dengan manusia dan masyarakat ini menunjukkan sikap dan sifat beliau yang peka terhadap permasalahan yang berlaku di persekitarannya.

Kajian ini mendapati, subjek-subjek yang membentuk keperibadiannya adalah politik, kepimpinan, masalah sosial, golongan belia, keagamaan dan subjek masyarakat terpinggir. Subjek masyarakat terpinggir dilihat semakin menyerlah dan difokuskan dalam novel-novel mutakhirnya. Pemilihan subjek ini disebabkan sikap dan sifat keperibadian Faisal Tehrani yang prihatin terhadap isu-isu masyarakat yang berlaku di persekitarannya. Faisal Tehrani seolah-olah ingin

menyampaikan pandangan, kritikan dan perasaan terhadap segelintir masyarakat yang masih hidup dalam kesukaran. Pada pandangan beliau, masalah ini seharusnya sudah ditangani dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab, memandangkan masyarakat lain pula hidup dalam kemudahan yang mencukupi, tetapi masih ada pula yang hidup melarat dalam negara. Tindakan ini seiring dengan pandangan Naffi Mat (Abdul Halim dan Azhar Hj Wahid, 2005) menegaskan bahawa karyawan yang menghasilkan karyanya akan meluahkan segala pengalaman, perasaan yang amat menendang lubuk nuraninya, lalu akan mengisi karyanya dengan kekuatan, keyakinan, kelemahan dalamannya dan unsur batiniah akan menerapkan unsur-unsur berkaitan dengan kejiwaan (mungkin psikologi) baik secara langsung mahupun tidak langsung).

Dalam menggarap subjek-subjek tersebut, Faisal Tehrani dilihat membawa ideologi dan falsafah tersendiri yang mendorong menghasilkan novel-novelnya. Tindakan Faisal Tehrani ini menepati Teori Teksdealisme yang mengunjurkan supaya ideologi bergerak seiringan dengan falsafah (Mana Sikana, 2006). Oleh itu, dengan jelas, pemaparan subjek manusia, kemanusiaan dan agama Islam sudah menjadi identiti kepada kepengarangan Faisal Tehrani. Kehadiran subjek-subjek itu pula diperkukuh dengan ideologi dan falsafah menjadi pegangannya. Kehadiran subjek-subjek tersebut pula berdasarkan pengalaman, pengamatan, pembacaan dan pengkajian terhadap isu-isu semasa yang berlaku di persekitarannya.

## **Bibliografi**

- Abdul Halim Ali dan Azhar Haji Wahid. (Penyelenggara). (2005). *Penghayatan kesusasteraan Melayu moden*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Kamal Abdullah. (2011). *Putra gemilang dari kampung Talang (Dharmawijaya dalam catatan kenangan)*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Boy, A.V. & Pine. (1999). *A person-centered foundation for counselling and psychotherapy* (2<sup>nd</sup> Ed.). Springfield, IL: CC. Thomas.

- Faisal Tehrani. (2000). *Perempuan politikus Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda.
- Faisal Tehrani. (2008). *Tunggu teduh dulu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2010). *Bablut*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2016). *Bagaimana Anyss naik ke langit?* Bangi: Dubook.
- Faisal Tehrani. (2017). *Profesor*. Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn. Bhd.
- Imlan Adabi. (2014). "Datang dan hilang sasterawan Malaysia, kreativiti dan kekangan berkarya". *Dewan Sastera*. April, hlm. 56-59.
- Mana Sikana. (1996). *Teori teksdealisme*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2004). *Sastera Melayu pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2005). *Sastera junjungan*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2006). *Teori sastera teksdealisme*. Singapura: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2007). "Wacana dinamikan sastera Melayu pascamoden". Dalam Ahmad Kamal Abdullah, Mohd Jusoh Majid dan Muhammad Ikhrum Fadhly Hussin (Penyelenggara). *Prosiding seminar kesusasteraan bandingan antarabangsa 7,8,9. Jun 2007*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2015). *Sasterawan Negara di takhta keunggulan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Md. Salleh Yaapar. (2002). "Teori sastera mandiri dalam perkembangan globalisasi". *Dewan Sastera*. Mac, hlm. 23-27.



- Muhd. Nasruddin Dasuki. (2000). *Cisarua*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Kuala Lumpur.
- Othman Puteh. (1995). *Teks cerminan nilai budaya bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2001). *Penulisan kreatif. Teori, pengalaman. Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Jasmina. (2004). "Hadiah sastera pencetus mekanisme nilai karya dan penulis". *Dewan Sastera*. Ogos, hlm. 22-23.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2003). *Teori dan kritikan sastera modenisme, pascamodenisme, pascakolonialisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.M. Zakir. (2009). "Leitkultur teras satu Malaysia". *Dewan Sastera*. Ogos, hlm. 26-29.